

02/08/2001

Pelaksanaan dasar baru ke IPTA beri peringatan kepada pelajar Bumiputera..LD:

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelaksanaan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) boleh memberi kesedaran kepada pelajar Bumiputera agar cemerlang dalam akademik.

Namun, pelaksanaan dasar itu perlu dikaji kesannya dan hanya boleh dilakukan dalam jangka masa lima hingga enam tahun akan datang.

KUALA LUMPUR, Rabu - Pelaksanaan dasar meritokrasi bagi kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) boleh memberi kesedaran kepada pelajar Bumiputera agar cemerlang dalam akademik.

Namun, pelaksanaan dasar itu perlu dikaji kesannya dan hanya boleh dilakukan dalam jangka masa lima hingga enam tahun akan datang.

Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Prof Madya Dr Abd Rahman Daud, berkata saranan pelaksanaan dasar meritokrasi perlu dilaksana bagi membolehkan generasi Bumiputera akan datang bersaing dengan kaum lain.

"Ia (meritokrasi) perlu dilaksanakan tetapi tidak sekarang kerana saranan terhadap dasar itu masih perlu dikaji dengan teliti.

"Asas akademik yang kukuh bukan saja perlu pada peringkat universiti tetapi kecemerlangan akademik juga perlu wujud sejak di sekolah rendah dan menengah," katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berkata, dasar meritokrasi perlu diperkenalkan sebagai tindakan radikal bagi menangani isu keciciran akademik pelajar Bumiputera di IPTA.

Saranan itu turut mendapat reaksi pelbagai pihak termasuk daripada Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein dan Setiausaha Agung Gerakan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad yang meminta kerajaan mempertimbangkan semula cadangan melaksanakan dasar itu.

Bagaimanapun, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaei, berkata saranan pelaksanaan meritokrasi itu jelas menunjukkan kerajaan serius dalam memastikan hanya pelajar yang layak serta bersungguh-sungguh saja diberi peluang memasuki universiti.

Malah, katanya, pelaksanaan dasar itu dibuat bagi kecemerlangan akademik dan bertujuan memupuk nilai baik dalam sahsiah diri pelajar Bumiputera di IPTA.

Dr Abd Rahman berkata, sebagai pelajar mereka perlu bersungguh-sungguh mendapatkan ilmu melalui kecemerlangan akademik dan tidak terpesong daripada matlamat asal dengan membabitkan diri dengan kegiatan yang tidak berfaedah.

Katanya, pelaksanaan dasar meritokrasi juga tidak perlu dilaksanakan dalam masa terdekat tetapi pendekatan seperti tindakan menarik semula kemudahan pinjaman boleh dikenakan terhadap pelajar yang didapati tidak mencapai prestasi yang diharapkan.

(END)